

Terapi ozon berjaya kawal gangrentangan, kaki Khairunnisa

UM 21 JUL 2003

SUNGAI BULOH 20 Julai — Sekitar bahagian tangan dan kaki Nur Khairunnisa Md. Hisham, 14, yang mengalami gangren berjaya dikawal setelah menjalani rawatan terapi ozon pada bulan lalu.

Menurut doktor yang merawat remaja berkenaan. Dr. Zulkafperi Hanapi, semenjak menjalani rawatan tersebut terhadap banyak perubahan di sekitar bahagian kaki dan tangan yang mengalami gangren.

“Lazimnya jika mengalami gangren ia akan melarat ke bahagian atas anggota terlibat yang menyebabkan kawasan itu bernanah dan berair.

“Tetapi selepas menjalani rawatan bahagian kaki yang hitam itu mula berubah sepanjang tiga inci meninggalkan kawasan yang mengalami gangren,” katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di kliniknya di Bukit Rahman Putra hari ini.

Pada 22 Jun lalu *Utusan Malaysia* melaporkan tangan dan kaki Khairunnisa yang mengalami penyakit berkenaan dan hampir dipotong oleh pakar perubatan menunjukkan tanda-tanda positif selepas menjalani rawatan berkenaan di sebuah klinik swasta di sini.

Antara perubahan itu ialah bahagian sisi tapak tangan remaja berkenaan yang kehitaman pulih dan boleh menggerakkan jari secara perlahan-lahan.

Khairunnisa yang dikenali sebagai Nisha kelihatan ceria selepas beberapa kali menjalani rawatan berkenaan.

Selain itu perubahan tersebut juga berlaku di bahagian kaki yang mana bahagian kehitaman-hitaman telah mula berubah sepanjang dua sentimeter.

Zulkafperi berkata ketika ini, kawasan yang mengalami tanda-tanda gangren menjalani proses ‘auto-amputation’ iaitu pemotongan secara semula jadi atau gugur dengan sendirinya.

Tambahnya, keadaan itu menampakkan perubahan bagi kedua-dua anggota remaja tersebut.

Ketika ditanya mengenai jari yang hitam pula, beliau berkata, kawasan itu menjadi kering dan mengecut serta proses auto-amputasi berlaku secara perlahan-lahan.

Dalam pada itu bapanya, Md. Hisham berkata, anaknya berhasrat untuk berjumpa dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebelum persaraan beliau pada Oktober ini.

Katanya, Nisha begitu kagum dengan kepimpinan Perdana Menteri yang membawa perubahan demi keamanan masyarakat negara ini.

“Malah Nisha juga sedang menyiapkan kad ucapan khas dan gubahan bunga bagi dihadiahkan kepada Perdana Menteri yang bersara pada tahun ini,” ujarnya.

Md. Hisham turut mengucapkan terima kasih kepada masyarakat yang memberi sumbangan dan sokongan kepada anaknya supaya bersabar dengan penyakit yang dialaminya ketika ini.